

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27/6 / 2008

Ekonomi berkembang 6% setahun

KUALA LUMPUR 26 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ekonomi Malaysia dijangka mampu berkembang secara purata enam peratus setahun dalam tempoh akhir Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang berakhir pada tahun 2010.

Perdana Menteri berkata, jangkaan itu dibuat berdasarkan pada pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana iaitu 4.1 peratus dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Pertumbuhan ekonomi negara itu dijangka disokong oleh permintaan dalam negeri dan luar negara terutamanya permintaan yang masih kukuh di kalangan negara rantau Asia khususnya China dan India," katanya di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Menurutnya, pelaburan swasta dijangka berkembang sebanyak 10.6 peratus dengan jumlah pelaburan pada harga semasa dianggar mencapai RM305.8 bilion bagi tempoh 2008 hingga 2010.

Perdana Menteri berkata, sektor perkhid-

matan, pembuatan dan pertanian dijangka terus menjadi penyumbang utama terhadap pertumbuhan ekonomi.

"Sektor perkhidmatan dijangka mencatat perkembangan sebanyak 7.9 peratus setahun yang diterajui oleh subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

"Sektor pembuatan pula dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada kadar 3.0 peratus setahun berikutan kelembapan permintaan global yang berterusan terhadap keluaran elektrik dan elektronik," jelasnya.

Namun kata beliau, industri pembuatan bagi pasaran domestik dijangka berkembang pesat terutamanya industri berkaitan pembinaan.

Menurutnya, sektor pertanian juga akan terus diberi penekanan terutamanya subsektor tanaman makanan bagi menyokong Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara.

"Sektor ini dijangka berkembang pada kadar 4.1 peratus setahun. Sektor pembinaan

pula dijangka terus mencatat pertumbuhan yang kukuh dengan kadar purata sebanyak 5.8 peratus setahun," tambahnya.

Perdana Menteri memberitahu, dalam tempoh 2006 hingga 2007, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) sebenar negara berkembang sebanyak 6.1 peratus setahun yang melebihi sasaran 6.0 peratus.

"Pendapatan per kapita rakyat meningkat sebanyak 10.6 peratus setahun kepada RM23,066 pada tahun lalu," ujanya.

Pada tahun lalu katanya, pendapatan per kapita berdasarkan pariti kuasa beli telah meningkat lebih tinggi iaitu sebanyak 14.2 peratus kepada AS\$13,529 manakala kadar pengangguran berada pada tahap 3.3 peratus yang mencerminkan paras guna tenaga yang penuh.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan yakin sasaran RMK-9 untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2010 akan dapat dicapai.